

## **Pinda Akta Untuk Hukuman Berat Jun Ini**

---

**PUTRAJAYA** : Kerajaan bersedia untuk memuktamadkan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dalam pertengahan Jun ini bagi membolehkan hukuman lebih berat dikenakan terhadap pemandu mabuk. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, pindaan akta itu bagaimanapun perlu mengambil kira pandangan orang ramai melalui kajian soal selidik yang sedang dijalankan sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri. Menurutnya, satu sesi taklimat di Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah diatur pihaknya pada 1 Jun ini untuk membolehkan pindaan akta berkaitan segera diteliti dan disemak.

"Saya sangat sedih dengan berita mengenai kemalangan khususnya melibatkan pemandu mabuk. Malah sepanjang bulan Mei ini saja, beberapa kemalangan berturut-turut dilaporkan berkaitan pemandu mabuk. "Cuti Hari Raya Aidilfitri dan tempoh PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) saya manfaatkan bagi meneliti semua cadangan berkaitan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 khususnya berkaitan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah dan memandu secara berbahaya sehingga menyebabkan kecederaan atau meragut nyawa pengguna jalan raya lain," katanya melalui hantaran dalam laman sosial Facebooknya semalam.

Ka Siong berkata, kajian soal selidik ketika ini sedang dijalankan kementeriannya melalui Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat (BLPD) dengan cara pengedaran borang secara dalam talian kepada orang awam. Terdahulu, Ka Siong dalam satu kenyataan telah meminta JPJ untuk meneliti semula Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) bagi melihat sama ada pindaan terhadap akta itu dapat dilaksanakan. Jelas beliau, akta tersebut akan diteliti semula supaya mereka yang menyebabkan kematian atau kecederaan pengguna jalan raya yang lain dapat dikenakan hukuman yang lebih berat," katanya.

Sinar Harian semalam melaporkan seorang lelaki maut dalam nahas jalan raya ketika dalam perjalanan untuk bertugas syif malam di Jalan Pintasan, Kuantan. Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof Ali berkata, polis menerima maklumat daripada orang awam mengenai seorang mangsa yang dipercayai dilanggar oleh seorang pemandu yang di bawah pengaruh alkohol serta memandu melawan arus pada kira-kira jam 9.38 malam kelmarin. Pada 22 Mei lalu, dua lelaki

dipercayai cedera selepas dilanggar kenderaan pacuan empat roda Toyota Hilux dipercayai dipandu lelaki mabuk di tapak peniaga di Bukit Sentosa, Hulu Selangor. Sementara itu, pada 3 Mei lalu pula, seorang anggota polis maut selepas sebuah pacuan empat roda disyaki dipandu pemandu mabuk merempuh sekatan jalan raya Op Covid-19 di Plaza Tol Kajang Selatan pada awal pagi.

---

**SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 8 | 27 MEI 2020**